

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	myCuaca 2.0 tingkatkan persediaan penduduk hadapi banjir	Utusan Online
2.	Guna aplikasi dibangunkan MOSTI	Utusan Borneo
3.	myCuaca application more sophisticated – Madius	BERNAMA
4.	Use own inventions first before commercialising it, researchers told	BERNAMA
5.	100 makmal GEC jadi teras GEC 2017	Utusan Malaysia
6.	Hujan lebat berterusan di Semenanjung dan Sarawak hingga Ahad – MET Malaysia	BERNAMA



MyCuaca 2.0 tingkatkan persediaan penduduk hadapi banjir



MADIUS Tangau sedang menerangkan kepada pemberita mengenai aplikasi myCuaca 2.0 di Jabatan Meteorologi Malaysia, Petaling Jaya, hari ini. - UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Fungsi baharu aplikasi myCuaca 2.0 iaitu 'push notifications' bakal mempertingkatkan keberkesanan sistem amaran awal bagi menangani sebarang bencana seperti banjir di Pantai Timur pada masa akan datang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, fungsi yang akan diperkenalkan pada tahun depan itu mampu memberikan maklumat kritikal dengan lebih berkesan tanpa perlu membuka aplikasi tersebut.

"Pelbagai langkah proaktif telah dibuat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam mengeluarkan segala bentuk amaran dan ramalan cuaca melalui media cetak, elektronik serta media sosial.

"Namun dengan myCuaca 2.0 ini, satu fungsi yang membolehkan orang ramai lebih bersedia jadi diharapkan para penduduk di sekitar Pantai Timur memuat turun aplikasi ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi penerangan program Jom Muat Turun myCuaca 2.0 dan iDengue di Jabatan Meteorologi Malaysia, Petaling Jaya, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Alui Bahari.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/mycuaca-2-0-tingkatkan-persediaan-penduduk-hadapi-banjir-1.568653#ixzz50dGH4gtF>

© Utusan Melayu (M) Bhd



myCuaca 3.0 Application More Sophisticated - Madius

Last update: 07/12/2017

PETALING JAYA, Dec 7 (Bernama) -- The myCuaca 3.0 mobile app version to be introduced next year will enable consumers to receive weather information as a pop-up message on the device screen, says **Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**.

He said the push button function found on the latest version of the app would enable information to appear on the screen thus helping the public make early preparations to face any changes in the weather.

"The myCuaca application was introduced by the ministry since 2015 to give information updates on bad weather, strong winds, turbulent seas, tsunamis, weather forecasts, earthquake incidents, weather radar and satellite images.

"Currently we have myCuaca 2.0 and we are upgrading to myCuaca 3.0 version with the addition of several new functions including the push button function to make it convenient for consumers to get accurate information," he said after a briefing on myCuaca app to media practitioners here, today.

Madius said MOSTI was targeting over 1 million downloads of the latest version of the app when launched next year and that the earlier version of the app had already been downloaded by 56,000 users nationwide.

"For a start, I have instructed MOSTI department heads and staff to launch a campaign on downloading this application including holding the campaign at flood relief centres and we will provide incentives to states with large number of followers," he said.

According to him, consumers could also download the app through Google Play Store and iTunes Store.

-- BERNAMA

Guna aplikasi dibangunkan Mosti

MyCuaca boleh dimuat turun ke telefon pintar

Utusan Borneo (Sabah) 7 Dec 2017 +8 more
Bergambar bersama penerima penghargaan Nice 2017.

PUTRAJAYA: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau mahu warga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menggunakan aplikasi yang dibangunkan oleh agensi dan jabatan kementerian berkenaan.

Beliau berkata bahawa ia adalah sesuai bagi warga Mosti menggunakan sendiri aplikasi bukan hanya untuk meningkatkan penggunaan tetapi juga menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya juga.

Katanya, aplikasi - MyCuaca yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Meteorologi dan iDengue, kerjasama antara Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Kementerian Kesihatan boleh dimuat

turun ke telefon pintar.

"Terpulang kepada warga Mosti untuk membuktikan kepada orang ramai terutama pengkritik yang mendakwa permohonan itu tidak berguna dan ia tidak bebas.

"Kami perlu memberitahu orang ramai bahawa aplikasi itu telah dibangunkan untuk menyebarkan maklumat penting," katanya dalam ucapan Perhimpunan Bulanan Mosti, di Dewan Seri Siantan di sini.

Beliau mengulangi maklumat disampaikan oleh aplikasi MyCuaca yang amat berguna kepada Malaysia pada masa kini bagi menghadapi musim hujan.

"MyCuaca menyediakan maklumat terkini mengenai cuaca dan amaran yang dikeluarkan pada waktu itu, melengkapkan usaha yang dilakukan oleh agensi kerajaan lain," katanya.

Madius berkata, orang ramai juga digalakkan untuk memuat turun aplikasi iDengue kerana teknologi



MADIUS

ARSM dengan input data dari Kementerian Kesihatan akan dapat mengenal pasti tempat yang mempunyai kes denggi yang tinggi.

"Dengan maklumat ini, langkah berjaga-jaga boleh diambil oleh orang ramai apabila berada di dalam zon risiko yang tinggi dan pada masa yang sama usaha untuk menghapuskan risiko di kawasan tertentu boleh meningkat dua kali ganda," katanya.

Sementara itu, beliau menggesa warga MOSTI untuk terus berada di tahap yang baik dan memastikan integriti yang tinggi.

"Mengekalkan tahap integriti yang

tinggi adalah penting agar rakyat terus yakin dengan kementerian kita," katanya.

Madius juga memuji sekretariat penganjuran Inovasi dan Ekonomi Kreatif Kebangsaan (Nice) 2017 serta semua agensi dan jabatan yang terlibat dalam memastikan kejayaannya.

Kira-kira 300,000 orang telah direkodkan melawat gerai Nice 2017 dan lebih 200,000 di telah didaftarkan di media sosial.



Use Own Inventions First Before Commercialising It, Researchers Told

Last update: 07/12/2017

GEORGE TOWN, Dec 6 (Bernama) -- Researchers are advised to use their own invention or innovative product first to convince the industry and consumers before the product can be commercialised and hit the shelves.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah said this was because innovative products invented through research were mostly left unused upon completion of the research, hence made it difficult for the ministry to help the researchers involved to commercialised the products.

"I would like to advise the researchers who invented innovative product to use it first. They have to use it. When people see that, they will feel more confident. The problem now is that the researchers don't use what they produced.

"All efforts end when the research comes to an end. If the researchers don't use and commercialise their products, who will?" he told a media conference after opening the 2017 Malaysian Technical Universities Conferences on Engineering and Technology here today.

A total of 270 papers will be presented over the two-day conference which aimed at enhancing and empowering the quality of research and development (R&D) in the country.

Abu Bakar said the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) had prepared various funds and incentives to help the researchers to commercialise potential products through the MOSTI Social Innovation (MSI) programme.

He said under the MSI programme, researchers need to collaborate with MOSTI's agencies as an initial effort to introduce their products to the public.

"Under this programme, MOSTI will provide a grant with a maximum amount of RM300,000 for the researchers in the peninsula, and RM500,000 for those in Sabah or Sarawak. And their inventions would be proposed to one of MOSTI's agencies, which would introduce and promote it to the public.

"For a start, they will just give it to the public to try it for free before they can eventually sell it or bring it to the market," he added.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 8 DISEMBER 2017 (JUMAAT)



AMINUDDIN HASSIM (tengah), Dr. Syahira Hamidon (kanan) dan S. Siva Kumar menunjukkan isyarat bagus selepas sidang akhbar di Cyberjaya, semalam.

100 Makmal GEC jadi teras GEC 2017

CYBERJAYA 7 Dis. - Sidang kemuncak Komuniti Keusahawanan Global (GEC) 2017 akan memperkenalkan 100 Makmal GEC yang memberi fokus kepada 15 bidang tumpuan dalam usaha meningkatkan daya saing golongan usahawan.

Pengarah Unit Strategi Nasional Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, antara bidang tersebut termasuklah e-dagang dan peruncitan, bandar pintar, realiti maya dan realiti perantara serta kecerdasan buatan (AI).

Katanya, setiap sesi Makmal GEC akan dikendalikan oleh pemilik makmal atau penggerak inisiatif dengan kehadiran 50 peserta dalam kalangan korporat, pengaruh ekosistem, pembuat dasar dan usahawan.

"Kita menyasarkan untuk menarik lebih 10,000 peserta. Se-

takat ini kita telah menerima pendaftaran seramai 8,000 peserta. Tahun lalu, kita sasarkan 2,000 tetapi berjaya menarik sehingga 6,000 penyertaan,

"Dalam pada itu, kita juga optimis dapat mencapai nilai transaksi lebih RM100 juta tahun ini menerusi padanan perniagaan dan perjanjian persefahaman," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Unit Keusahawanan dan Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta Kementerian Pendidikan Tinggi, Datin Dr. Syahira Hamidon dan Timbalan Setiausaha Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, S. Siva Kumar.



Hujan Lebat Berterusan Di Semenanjung Dan Sarawak Hingga Ahad - MET Malaysia

Tarikh kemaskini: 07/12/2017

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Hujan lebat berterusan dijangka melanda beberapa negeri di Semenanjung dan Sarawak bermula hari ini sehingga Ahad ini, kata **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) Alui Bahari.**

Menerusi satu kenyataan hari ini, Alui memaklumkan bahawa keadaan itu berlaku berikutan luruan monsun dari pedalaman China yang dijangka bertumpu di pantai timur Semenanjung dan barat Sarawak.

"MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Cuaca Waspada melibatkan negeri-negeri berikut iaitu Kelantan (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Machang dan Pasir Puteh), Terengganu, Pahang (Kuantan, Pekan dan Rompin), Johor (Mersing dan Kota Tinggi) serta Sarawak (Kuching, Samarahan, Serian, Betong, Sarikei, Sibu dan Mukah)," kata Alui.

Jelas Alui, angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak setinggi 3.5 meter dijangka berlaku di perairan pantai timur, Semenanjung dalam tempoh itu.

-- BERNAMA